

Dr. M tidak ada kapasiti jatuhkan PM

LUMUT 13 Ogos - Tad Dr. Mahathir Mohamad tidak mempunyai kapasiti untuk menjatuhkan Perdana Menteri kerana institusi itu mempunyai hubungan dengan Presiden UMNO, kata Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Beliau berkata, hubungan itu membawa maksud di Malaysia tidak ada seorang pun boleh menjadi Perdana Menteri kecuali beliau merupakan Presiden UMNO.

"Saya mempunyai keyakinan sebarang orang perseorangan termasuk Dr. Mahathir memang tidak mempunyai kapasiti untuk menjatuhkan seorang Perdana Menteri sebab institusi Perdana Menteri ini ada hubung kaitnya dengan institusi Presiden UMNO di Malaysia.

"Jadi sebab itu, kalau beliau (Dr. Mahathir) hendak menjatuhkan Perdana Menteri yang pada masa yang sama Presiden UMNO, maka beliau kena menyakinkan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada 191 bahagian UMNO atau sekurang-kurangnya dua pertiga daripada 2,500 hingga 2,600 perwakilan yang bermesyuarat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan UMNO Bahagian Beruas di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang meminta Dr. Mahathir berhenti daripada terus mengkritik kerajaan secara terbuka kerana tindakan dibuat bekas Perdana Menteri itu dilihat mahu menghancurkan UMNO.